

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian mengenai al-Ṭibāq yang merupakan komponen terpenting dalam al-Badi' adalah suatu disiplin yang menyingkap keunggulan makna semantik dalam al-Qur'ān yang diturunkan oleh Allah S.W.T. Berdasarkan hanya 6666 ayat, al-Qur'ān dapat mencakupi segala bentuk kehidupan manusia melalui pemilihan perkataan dan ungkapan yang indah serta mempunyai kepelbagaian makna menarik.

Bentuk keindahan al-Ṭibāq juga adalah laras bahasa yang digunakan secara meluas dalam al-Qur'ān. Justeru itu, penulis telah mengambil inisiatif untuk melakukan penyelidikan mengenai kedudukan al-Ṭibāq dan segala bentuknya dalam keseluruhan al-Qur'ān.

Kebolehan memahami al-Ṭibāq merupakan aset terpenting bagi seseorang individu terutamanya pencinta al-Qur'ān untuk menggapai segala kemajuan dan perkembangan diri dan masyarakat sama ada secara fizikal mahupun mental. Atas keinsafan ini, penulis dengan segala kemampuan yang terbatas mengutarakan sebuah kajian untuk memenuhi kehendak para pencinta al-Qur'ān.

Berdasarkan pengalaman, penulis merasakan para pencinta al-Qur'ān khususnya pelajar pengajian Islam masih mencari-cari sebuah kajian yang dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam menghayati intipati al-Qur'ān secara komprehensif dan terperinci.

Harapan penulis agar kajian ini dapat dijadikan pedoman dan terdapat kesinambungan pada masa akan datang dalam memartabatkan kembali karya-karya berorientasikan al-Ṭibāq.

1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Qur'ān merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah Ta'ālā agar ianya menjadi panduan dan pedoman seluruh umat manusia di atas muka bumi. Ia mencakupi segala aspek kehidupan termasuk persoalan politik, ekonomi, sosial, akidah, ibadah dan sebagainya.

Atas kesedaran mengenai kepentingan memahami isi kandungan al-Qur'ān secara lebih mendalam, penulis dapat merasakan vokasi untuk mengkaji kedudukan al-Ṭibāq dan memberi penjelasan terperinci tentang ungkapan al-Qur'ān selaras dengan sabda Rasulullah S.A.W :

إِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا وَإِنَّ مِنَ الشُّعْرِ لِحُكْمًا

Maksudnya : *Sesungguhnya sesetengah keterangan itu dapat memukau pandangan orang ramai dan sesetengah syair itu dapat dijadikan panduan hukum Islam.*

Al-Qur'ān yang diturunkan pada zaman kemuncak kegemilangan sastera Arab mempunyai susunan bahasa yang indah dalam aspek perkataan dan makna sehingga orang Jahiliah pada masa itu mendakwa bahawa al-Qur'ān itu menyamai syair dalam bentuk rima akhirnya. Perkara itu disangkal oleh Allah Ta'ālā dalam firman Nya :

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشُّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ

Maksudnya : *Dan kami (Allah Ta'ālā) tidak mengajar syair kepadanya (Muhammad) dan bersyair itu tidaklah layak baginya. Al-Qur'ān itu tidak lain hanyalah peringatan dan kitab yang memberi keterangan yang nyata.*

Sūrah Yāsīn : (36) : 69

Di samping itu, terdapat banyak perkataan al-Badi' yang membawa pengertian keindahan digunakan oleh Allah S.W.T. dalam menyatakan sesuatu perkara penting untuk penelitian dan pemerhatian umat manusia. Antaranya ialah :

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya : (Allah) Maha Pencipta langit dan bumi dengan segala keindahan. Justeru itu, apabila Dia membuat keputusan mengenai sesuatu perkara, Dia hanya mengatakan jadi lalu perkara itu terjadi.

Sūrah al-Baqarah : (2) : 117

Selain itu, Rasulullah juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan makna Badi' ketika ingin menggambarkan Tuhāmah dalam sabda baginda :

إِنَّ تَهَامَةَ كَبْدِيعِ الْعَسَلِ : حُلُوٌّ أَوَّلُهُ ، حُلُوٌّ آخِرُهُ

Maksudnya : Sesungguhnya Tuhāmah umpama madu yang indah, awalnya manis dan akhirnya juga manis

Lantaran itu, penulis ingin menerobos pelbagai anomali yang terdapat dalam aspek penghias makna Badi' bagi menjadikannya tempat rujukan utama para pengkaji dan pencinta bahasa al-Qur'ān.

Akhirnya, segala persoalan di atas menjadi stimulasi kepada penulis untuk menyusuri segala rencam al-Badi' terutamanya al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān al-Karīm. Sesungguhnya menjadi kewajaran bagi kita menyelongkar segala bentuk konotasi ayat al-Qur'ān dan memanfaatkannya untuk ketamadunan dunia dan kesejahteraan akhirat.

1.3 Kepentingan Kajian

Al-Badi' merupakan suatu disiplin ilmu linguistik yang amat bernilai menurut al-Qur'ān al-Karīm dan para ilmuwan Islam kerana ia mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan kemukjizatan al-Qur'ān al-Karīm yang sarat dengan pengertian yang sangat mendalam serta penuh konotasi.. Perkara ini menunjukkan keunikan dan keindahan

susunan bahasa al-Qur'ān al-Karīm, kelancaran frasa-frasanya dan keseragaman bentuk-bentuk ayatnya.

Antara unsur balāghah terpenting yang terkandung dalam al-Qur'ān ialah al-Badī' terutamanya yang memenuhi majoriti surah bagi menyampaikan sesuatu makna dengan berkesan sehingga meresap ke lubuk hati. Ia juga banyak digunakan dalam hadis Rasulullah S.A.W. ,puisi dan prosa Arab. Di samping itu, ia memainkan peranan penting dalam mencerikan proses interaksi dan komunikasi antara sesama insan.

Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa seseorang ilmuwan Islam tidak mungkin dapat mencapai tahap tertinggi dalam keilmuan sekiranya beliau tidak mampu menguasai disiplin al-Badi' dengan baik. Seseorang itu juga tidak dapat menggapai taraf mujtahid kerana tidak berupaya memahami inti pati al-Qur'ān secara tersirat dan terperinci.

Atas keinsafan ini, penulis memilih untuk membuat kajian tentang disiplin ilmu al-Badi' dengan memberi tumpuan kepada al-Ṭibāq di bawah tajuk “ *Al-Badi' Dalam bahasa Arab : Analisis Terhadap al-Ṭibāq Dalam Al-Qur'ān al-Karīm* “ dengan harapan agar dapat memberi manfaat besar kepada seluruh umat Islam.

Secara umumnya, dapatan kajian ini mempunyai keupayaan tersendiri yang dapat membantu para pencinta bahasa al-Qur'ān dalam menelusuri kedudukan al-Ṭibāq dalam keseluruhan al-Qur'ān. Ia juga berpotensi menjadi pemangkin kepada para pengkaji bahasa Arab ini dalam memahami kebesaran Allah Ta'ālā dan keunikan al-Qur'ān dalam membezakan dua perkara yang bertentangan secara jitu dan sistematik.

Kajian ini mampu memberi impak tinggi kepada para penggubal kurikulum bahasa Arab seperti Jabatan Pendidikan Islam di Kementerian Pelajaran Malaysia, institut pendidikan guru dan lain-lain jabatan yang berkaitan untuk membantu mereka dalam pencarian kedudukan ayat-ayat al-Qur'ān mengenai al-Ṭibāq.

Seterusnya mereka dapat memperbanyakkan contoh-contoh ayat suci serta mempelbagaikannya bagi menggantikan bait-bait syair yang lapuk dan sukar difahami. Justeru itu, menjadi kewajaran kepada kita untuk melakukan kajian secara sistematik dan efektif mengenai perkara ini. Semoga segala usaha penulis yang terbatas ini mendapat keberkatan daripada Allah Ta'ālā dan berupaya memberi manfaat signifikan kepada para pencinta al-Qur'ān.

1.4 Objektif Kajian

Atas kesedaran bahawa pemahaman aspek al-Ṭibāq merupakan satu elemen penting dalam menghayati kitab suci al-Qur'ān, penulis mengambil inisiatif melakukan kajian mengenai kedudukan dan posisinya dalam semua surah dan ayat. Berikut dinyatakan objektif utama kajian ini.

1. Mengkaji konsep al-Ṭibāq dan kepelbagaian bentuknya dalam disiplin balaghah bahasa Arab. Dengan itu, kajian tentang bidang yang berkaitan dalam aspek al-Badī' secara khusus akan turut dikaji untuk tujuan perbandingan umum.
2. Mengenal pasti surah-surah yang mengandungi al-Ṭibāq dan bentuk-bentuknya serta surah-surah yang tidak mengandunginya.

3. Menganalisis kedudukan al-Ṭibāq dalam al-Qur’ān sama ada ia berada dalam satu frasa mahu pun dua frasa. Perkara ini dapat membantu penulis ke arah penghuraian al-Ṭibāq secara bersistematik.
4. Menghuraikan kewujudan beberapa bentuk al-Ṭibāq secara serentak dalam satu ayat secara penafsiran makna dan tema.

1.5 Persoalan Kajian

Para pencinta bahasa Arab masih mencari-cari suatu kajian atau buku yang dapat memudahkan pengajaran dan pembelajaran al-Badi’ khususnya dalam disiplin al-Ṭibāq. Kebanyakan buku yang terdapat dalam pasaran hanya menyentuh secara sepintas lalu mengenai disiplin al-Ṭibāq dan tidak memberi penjelasan terperinci dan signifikan.

Abd Halim Ariffin (1999) dalam kajiannya di sekolah-sekolah SMKA mengutarakan masalah yang berlaku ialah pernyataan bait-bait syair dengan laras bahasa tradisional menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk memahaminya. Keadaan ini secara tidak langsung membantutkan kelancaran pembelajaran disiplin al-Ṭibāq secara keseluruhannya.

Di samping itu, kebanyakan buku yang menyentuh disiplin al-Badi’ mengambil contoh yang sama dalam memberi penjelasan mengenai al-Ṭibāq. Jika kita memerhatikan secara kritis, kebanyakan pengarang buku hanya mengambil contoh ayat al-Qur’ān yang sama dengan buku yang diterbitkan sebelumnya. Secara rasionalnya, pembaca tidak mendapat manfaat yang besar dalam penambahbaikan ilmu pengetahuan mengenai al-Ṭibāq sekalipun telah menelaah banyak buku mengenainya. Situasi ini

menimbulkan kebosanan kepada para pembaca dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap keilmuan dalam disiplin al-Ṭibāq melalui implementasi ayat-ayat al-Qur'ān.

Selain itu, Abdullah Tahmim (1999) menyatakan bahawa pemerhatian terhadap pengajaran balaghah di sekolah-sekolah Malaysia menunjukkan penggunaan contoh-contoh lama daripada bait-bait syair yang sukar difahami jika dibandingkan dengan bahasa prosa. Sepatutnya para penggubal sukatan atau pengarang buku al-Ṭibāq memberikan contoh-contoh yang terdapat dalam al-Qur'ān yang lebih dekat kepada pelajar. Mereka mungkin dapat mengingati kembali sekiranya mereka melalui ayat-ayat tersebut ketika membaca al-Qur'ān. Masalahnya di sini pengarang buku menghadapi kesukaran untuk memberikan contoh-contoh al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān.

Apa yang patut disebutkan di sini ialah kebanyakan kajian yang dilakukan oleh para penyelidik dalam disiplin al-Ṭibāq hanya menjurus kepada surah-surah tertentu atau beberapa surah sahaja. Atas keinsafan ini, penulis mengambil inisiatif untuk mengisi kekosongan di atas dengan menjalankan kajian al-Ṭibāq dalam keseluruhan al-Qur'ān.

Akhirnya, penulis menggariskan beberapa persoalan yang antaranya ialah meneliti kewujudan al-Ṭibāq dalam al-Quran sama ada berada dalam keseluruhan surah atau pun sebahagiannya sahaja. Hal ini dapat memudahkan para pembaca menentukan surah-surah yang mempunyai elemen al-Ṭibāq ke arah pemahaman yang lebih jitu dan padu.

Selain itu penulis akan membuat persoalan mengenai gambaran bentuk al-Ṭibāq yang wujud dalam al-Quran. Gambaran ini akan menyedarkan para pembaca dalam mengenal pasti bentuk al-Ṭibāq yang digunakan oleh Pencipta Yang Maha Agung.

Di samping itu, persoalan ketiga yang diutarakan oleh penulis dalam kajian ini ialah kedudukan al-Ṭibāq sama ada berada dalam satu frasa atau pun dua frasa. Persoalan ini diharapkan dapat menimbulkan stimulasi yang mendalam untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai al-Ṭibāq.

Manakala persoalan akhir yang cuba ditimbulkan oleh penulis ialah kewujudan beberapa al-Ṭibāq secara serentak dalam satu ayat. Keadaan ini mampu mencetuskan keinginan dalam menggerakkan suatu penyelidikan berkualiti dalam aspek al-Ṭibāq.

1.6 Skop Kajian

Penulis telah menggariskan skop kajian sebagai asas. Ia penting untuk memastikan segala objektif yang ditetapkan mencapai sasaran dan tidak terkeluar daripada tujuannya yang asal.

Kajian ini berkisar kepada al-Ṭibāq dan pembahagiannya kepada lima belas bahagian. Penulis juga membataskan kajian ini dalam disiplin penghias makna atau muhassināt maknawiyah sahaja dalam al-Badī'. Penulis juga menyentuh secara ringkas tentang komponen-komponennya supaya para pembaca mendapat gambaran jelas mengenai dan dapat membuat perbandingan antara al-Ṭibāq dan komponen-komponen lain..

Selain itu, penulis membataskan kajian dalam al-Qur'ān al-Karīm mengenai al-Ṭibāq antara dua kata nama sahaja. Hal ini berlaku kerana penulis ingin mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan fikiran di kalangan pembaca. Di masa akan datang, penulis akan berusaha untuk melakukan penyelidikan al-Ṭibāq antara dua kata kerja atau seumpamanya.

1.7 Sorotan Kajian Lepas

Masyarakat umumnya sudah mengetahui mengenai keampuhan dan kejituan balaghah Arab dalam menghuraikan elemen-elemen tersurat dan tersirat dalam al-Qur'ān. Justeru itu, dalam era globalisasi ini, kajian mengenai al-Ṭibāq menjadi semakin penting kerana matlamat penurunan al-Qur'ān adalah untuk membezakan antara dua perkara yang bertentangan seperti kebenaran dan kebatilan supaya tidak terus terjerumus dalam lembah kehinaan.

Ramai pengkaji pada masa lepas telah membuat kajian mengenai al-Ṭibāq. Namun mereka hanya memberi tumpuan kepada surah-surah tertentu ataupun membuat perbandingan dengan topik-topik lain dalam kumpulan disiplin al-Badi'. Antara mereka ialah Al-Suyūṭi (t.t) hanya memberi penjelasan secara mendatar mengenai al-Ṭibāq iaitu hanya meliputi al-Ṭibāq secara positif, al-Ṭibāq secara negatif, al-Ṭibāq secara tersembunyi dan al-Ṭibāq secara makna. Beliau hanya memberi beberapa contoh ayat al-Quran kepada setiap bentuk al-Ṭibāq.

Sementara itu, Al-Zamakhsharīy (1977) pula membicarakan disiplin al-Ṭibāq dengan memberi contoh secara asas tanpa perbincangan yang mendalam. Dalam membuat penafsiran ayat al-Quran, beliau mengikut kaedah (**إِنْ قُلْتَ قُلْتُ**) yang bermaksud sekiranya kamu bertanya, aku pasti menjawab. Kaedah ini membawa

pengertian bahawa beliau hanya menghuraikan mengenai al-Ṭibāq mengikut persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat dan tidak memberi penjelasan secara komprehensif tentangnya.

Selain itu, Al-Zarkashīy (1972) hanya membahaskan disiplin al-Ṭibāq dengan memberi contoh kepada beberapa bentuk al-Ṭibāq seperti al-Ṭibāq secara lafaz, al-Ṭibāq secara makna, al-Ṭibāq secara tesembunyi.

Perlu disebutkan di sini bahawa Al-Jurjānīy (1979) terlalu sedikit membicarakan mengenai aspek al-Ṭibāq. Beliau lebih memberi tumpuan kepada disiplin Tashbīh dan 'Isti'ārah.

Di samping itu, Abd Rauf Bin Hassan (2002) yang membuat perbandingan antara al-Ṭibāq dan al-Muqābalah. Perkara asas yang menjadi perbezaan antara keduanya ialah al-Ṭibāq mendasari pertentangan makna antara dua perkataan. Manakala al-Muqābalah pula mempunyai pertentangan makna antara dua frasa. Setiap frasa mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan yang berlawanan makna dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam frasa berikutnya. Sementara penulis pula melakukan kajian mengenai al-Ṭibāq sahaja dalam keseluruhan al-Qur'ān.

Selain itu, Taufik (1997) pula melakukan penyelidikan dalam disiplin al-Qaṣr, al-Tashbīh dan al-Ṭibāq dalam sūrah al-'Anfāl. Beliau mengkaji mengenai kependekan ayat, perumpamaan Arab dan al-Ṭibāq dengan memberi fokus kepada surah al-'Anfāl. Manakala penulis pula hanya ingin memberi tumpuan kepada al-Ṭibāq semata-mata dalam semua surah.

Sementara Inni Simsim Suwaibah (1998) pula melakukan kajian al-Ṭibāq dalam surah al-Baqarah sahaja. Justeru itu, penulis beranggapan wujud suatu kekosongan lalu menjalankan kajian tentang al-Ṭibāq meliputi kesemua surah yang terdapat dalam al-Qur'ān.

Tidak ketinggalan juga Rohmad Riduan (2009) menjalankan penyelidikan mengenai al-Ṭibāq dan al-Jinās dalam sūrah al-Rūm. Dalam kajian ini, beliau menggariskan bentuk al-Ṭibāq yang terdiri daripada 12 bentuk dengan penumpuan kepada satu surah iaitu surah al-Rum. Penulis ingin memperkembangkan bentuk al-Ṭibāq sehingga menjadi 15 bentuk dan kajian dilakukan pada keseluruhan al-Qur'ān.

Patut disebutkan di sini, Moh Agus Hasanudin (1998) telah menjalankan kajian tentang al-Ṭibāq dalam sūrah al-Nisā'. Beliau hanya melakukan penyelidikan mengenai al-Ṭibāq dalam satu surah sahaja iaitu surah al-Nisa. Penulis merasakan wujud suatu ruang kosong dalam kajian al-Ṭibāq di mana ia wajar dilakukan terhadap keseluruhan surah agar menjadi satu pangkalan data yang lengkap bagi kemudahan pembaca dalam disiplin al-Ṭibāq.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*Methodos*' yang membawa pengertian jalan atau cara dan '*Logos*' yang bermaksud ilmu (Koentjaraningrat : 1986). Kedua-dua perkataan bermakna ilmu atau kaedah pemikiran secara tersusun. Justeru itu, metodologi merupakan suatu proses bersistematik yang mengandungi pendekatan kajian dan analisis data bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan mempunyai impak yang tinggi.

Lantaran itu, metode adalah sangat penting untuk digunakan dalam pencapaian objektif kajian sekali gus menjawab soalan kajian. Setiap kajian memerlukan metode yang bertepatan dengan falsafah kajian. Ketepatan pemilihan jenis metode akan menentukan dapatan suatu kajian yang lebih bermutu dan menjadi rujukan kepada khalayak ilmunan.

Secara umumnya kajian ini adalah kajian keperpustakaan. Metode yang diguna pakai adalah bersifat kualitatif dan kuantitatif. Berikut diperincikan penggunaan metode yang telah diguna pakai untuk mencapai beberapa objektif seperti yang digarapkan untuk kajian ini.

1.8.1 Prosedur Pengumpulan Data

Secara keseluruhannya, penulis mengambil sebuah al-Qur'ān al-Karīm yang lengkap terjemahannya dalam bahasa Melayu. Lalu penulis mula mencari ayat-ayat mengenai al-Ṭibāq antara dua kata nama bermula surah al-Fātiḥah dan berakhir dengan surah al-Nās. Penulis melakukan kajian menyeluruh dalam al-Quran mengikut urutan surah dan ayat. Prosedur ini adalah bertepatan dengan keperluan metode perpustakaan dan paling efektif bagi pemerolehan bahan dan data kajian. Iaitu melalui penelitian ke atas kitab-kitab dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Prosedur ini juga amat membantu penulis bagi memperolehi maklumat penting dan fakta mendalam tentang aspek kajian yang dijalankan. Dalam menjalankan kajian ini, penulis sedaya upaya menyelongkar kitab-kitab primer dalam bidang kajian bagi mendapatkan bahan-bahan yang sahih lagi tepat.

Tidak ketinggalan juga, penulis berusaha mendapatkan buku-buku sekunder berbentuk penulisan ilmiah, tesis, skripsi, artikel, rencana dan sebagainya. Penulis menggunakan bahan-bahan tersebut untuk kajian bab kedua iaitu mengenai al-Badi' dan komponen-komponennya dengan memberi tumpuan utama kepada al-Ṭibāq.

Bagi merealisasikan prosedur ini, penulis mengunjungi beberapa perpustakaan utama sama ada di Malaysia dan di luar Malaysia iaitu:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii) Perpustakaan Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya
- iii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri
- iv) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- v) Perpustakaan Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta

Hasil kunjungan ini, penulis berjaya melakukan kerja pengumpulan data yang berkaitan dengan keperluan kajian yang dijalankan. Prosedur ini juga diguna pakai oleh penulis dalam usaha untuk mengenal pasti bentuk-bentuk al-Ṭibāq dalam al-Qur’ān al-Karīm. Antara rujukan yang berjaya penulis temui ialah beberapa tesis dan skripsi yang ditulis oleh para pengkaji lain mengenai al-Ṭibāq dan komponen-komponennya.

1.8.2 Persampelan Kajian

Sudah sedia maklum bahawa setiap kajian memerlukan sampel sebagai fokus dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan. Kajian yang dilaksanakan oleh penulis ini meliputi semua surah yang terdapat al-Qur’ān berdasarkan metode banci (*census*). Perkara ini berlaku kerana penulis ingin melaksanakan kajian dalam al-Qur’ān yang lebih bersifat komprehensif dengan tidak meninggalkan mana-mana surah.

Seterusnya penulis memberi penjelasan mengenai perkataan yang mengandungi al-Ṭibāq antara dua kata nama sahaja dengan menulis kembali dua perkataan tersebut beserta terjemahannya agar dapat difahami dengan lebih jelas dan nyata.

1.8.3 Prosedur Analisis Data

Setelah berjaya mengumpul segala data mengenai ayat-ayat al-Ṭibāq antara dua kata nama, penulis mula menulis ayat-ayat tersebut bersama terjemahan serta meletakkan nama surah dan bilangan ayat di sebelah kanan selepas terjemahan. Lantaran itu, penulis juga menggunakan kaedah seperti berikut :

a) Kaedah Deskriptif

Penulis memberi penghuraian yang jelas dan penerangan yang terperinci terhadap semua ayat yang dikumpulkan. Kaedah ini digunakan oleh penulis dalam bab ketiga dalam menganalisis ayat-ayat al-Ṭibāq mengikut urutan surah dan ayat. Di samping itu, segala data yang diperoleh akan diproses dengan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bagi menghasilkan dapatan yang sistematik dan tersusun. Program ini diguna pakai bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, purata yang bertujuan untuk memperincikan penggunaan al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān.

b) Kaedah Induktif

Kaedah ini adalah cara untuk membuat kesimpulan daripada data-data yang dianalisis yang bersifat khusus bagi membuat kesimpulan yang bersifat umum. Contohnya penulis menggunakan kaedah ini untuk membuat kesimpulan bahawa pengulangan al-Ṭibāq antara iman dan kufur menunjukkan bahawa Allah memberi penekanan kepada manusia yang bersifat pelupa agar menyematkan perkara ini ke dalam fikiran masing-masing mengenai batas-batas keimanan dan kekufuran.

c) Kaedah Deduktif

Kaedah ini diguna pakai untuk menganalisis data secara menyeluruh bagi menghasilkan keputusan yang khusus. Setelah menganalisis keseluruhan ayat-ayat al-

Ṭibāq, penulis membuat rumusan secara peratusan dan pengklasifikasian berdasarkan sampel yang ditemui.

1.8.4 Kesesuaian metode dengan objektif kajian

Pemilihan metode bagi sesebuah kajian harus menepati kehendak objektif. Ini kerana metode adalah cara atau kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian dengan mudah dan berkesan. Berikut dinyatakan kesesuaian metode yang dipilih dengan objektif yang dirancangkan untuk kajian ini.

Objektif pertama dan kedua iaitu mengkaji konsep al-Ṭibāq dan kepelbagaian bentuknya dalam disiplin balaghah bahasa Arab. Dengan itu, kajian tentang bidang yang berkaitan dalam aspek al-Badi' secara khusus akan turut dikaji untuk tujuan perbandingan umum dan mengenal pasti surah-surah yang mengandungi al-Ṭibāq dan bentuk-bentuknya serta surah-surah yang tidak mengandunginya. Maka untuk tujuan ini penulis memilih kaedah deskriptif dan induktif secara kuantitatif dan kualitatif, di mana huraian diberikan tentang pemakaian al-Ṭibāq mengikut urutan surah dan ayat. Hasil dari penghuraian ini akan menentukan jumlah dan bentuk al-Ṭibāq dalam bahasa Arab serta pemakaiannya dalam al-Quran al-Karim.

Objektif ketiga ialah menganalisis kedudukan al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān sama ada berada dalam satu frasa mahu pun dua frasa. Keadaan ini dapat membantu penulis ke arah penghuraian al-Ṭibāq secara bersistematik. Untuk tujuan ini penulis menggunakan kaedah deskriptif dan deduktif bagi menjelaskan kedudukan al-Ṭibāq dalam ayat dan peratusannya.

Manakala bagi objektif keempat ialah menghuraikan kewujudan beberapa bentuk al-Ṭibāq secara serentak dalam satu ayat secara penafsiran makna dan tema.

Untuk tujuan ini penulis juga menggunakan kaedah deskriptif bagi menjelaskan kepelbagaian al-Ṭibāq secara serentak dalam satu ayat. Kaedah ini juga digunakan untuk mengklasifikasi makna dan tema ayat al-Ṭibāq.

1.9 Sumbangan Kajian

Kajian ini diharapkan mampu memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat mengenai ketinggian gaya bahasa al-Qur'ān dalam menghuraikan makna sesuatu ayat agar menjadi pedoman kepada para pengkaji dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan.

Ia juga dapat membantu penulis dalam menghayati makna konotasi al-Qur'ān bagi menyampaikan segala ilmu dengan teknik yang lebih efektif dalam konteks pengajaran dan pembelajaran retorik.

Selain itu, kajian ini juga menyemarakkan suasana keceriaan pembelajaran al-Badi' khususnya al-Ṭibāq dan menjadi suatu koleksi penyelidikan yang bernilai dalam memperincikan maksud-maksud tersirat di sebalik ayat al-Qur'ān yang ringkas namun penuh bermakna.

Di samping itu, penulis juga dapat memberi gambaran jelas kepada para pengkaji di masa akan datang mengenai al-Ṭibāq yang wujud serentak dua, tiga dan empat posisi dalam satu ayat. Ia juga mampu mendedahkan jumlah surah yang mempunyai al-Ṭibāq dan surah yang tidak mengandungnya.

Akhir sekali, penulis berharap agar kajian ini akan menjadi perintis kepada penyelidikan makna konotasi al-Qur'ān kepada para pengkaji dalam usaha untuk menyelongkar disiplin ilmu retorik seterusnya menyebarluaskan penghayatan kitab Allah kepada masyarakat.